

Jamin kemajuan tamadun Melayu

Mesti sanggup

berubah: PM

Oleh
**HISHAMUDDIN
AUN**
dan **ZAINI
ZAINUDDIN**

KUALA LUMPUR, Selasa — Orang Melayu harus menerima penyelesaian dan berani menerapkan unsur-unsur tamadun lain sebagai sebahagian daripada ciri tamadun Melayu untuk mencapai kejayaan. kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,

Berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu Kedua di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, mereka juga perlu menggugurkan aspek-aspek yang tidak sesuai dengan peredaran zaman dan kegemilangan yang dikejar.


Sehubungan itu, beliau menyarankan supaya kajian mendalam dibuat mengenai tamadun Melayu semasa dan pada abad ke-21 dengan memberi tumpuan kepada ciri-ciri tertentu yang ada kaitan dengan maju atau mundurnya bangsa Melayu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tamadun yang berjaya pada zaman ini tidak seratus peratus mencerminkan segala nilai, ciri dan amalan tamadun yang menjadi asas kepadanya, sebaliknya sudah disesuaikan mengikut peredaran zaman.

Menurutnya, jika tamadun Melayu tidak mahu dijadikan sebagai kajian zaman silam saja, daya penyesuaian harus diterima sebagai sebahagian daripada ciri tamadun berkenaan.

Beliau berkata, sebarang penyesuaian yang dilakukan tidak akan menghapuskan tamadun Melayu, sebaliknya akan membantu mengekalkannya walaupun akan ada sedikit sebanyak perbezaan di antara dulu dan sekarang.

"Jika hari ini kita berpendapat bahawa tamadun kita tidak gemilang seperti tama-



dun pada masa lalu, sebabnya ialah adanya nilai-nilai yang tidak baik dalam tamadun yang kita warisi sekarang," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tamadun Melayu tidak luput dan tidak mati, sebaliknya ia tetap hidup walaupun sukar untuk mencari persamaan di antara tamadun Melayu sekarang dan tamadun Melayu yang dikatakan asli pada zaman gemilang dahulu.

Menurutnya, walaupun tamadun Melayu silam tidak mampu bertahan daripada serangan dan pengaruh tamadun Barat, orang Melayu masih boleh bersyukur kerana tamadun Melayu tidak hilang semua ciri-cirinya.

"Perbezaan di antara tamadun lama dan baru ini bererti tamadun Melayu adalah dinamik dan berdaya hidup," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan, tamadun yang membawa kejayaan pada satu zaman tidak semestinya membawa kejayaan pada zaman lain, malah tamadun lama yang tidak beru-

bah tetap akan membawa kegagalan jika diteruskan.

Beliau berkata, kajian terhadap tamadun Melayu biasanya bercorak penyelidikan sejarah, tetapi yang penting bukanlah pemilihan sejarah yang gemilang tetapi kejayaan semasa.

Dalam melakukan kajian sedemikian, katanya, kejujuran intelektual amat perlu agar tidak berlaku perbuatan menidakkan sesuatu unsur tamadun Melayu semata-mata kerana unsur itu mencerminkan peribadi tamadun berkenaan.

"Jika sesuatu unsur itu buruk, kita mestilah berani mengatakan ia buruk dan sudah tentulah unsur buruk yang menjadi penghalang kepada kejayaan kita harus dikikis," katanya.

Dalam membincangkan soal warisan pula, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, persoalan yang perlu dibangkitkan ialah apakah orang Melayu dengan sendirinya akan memperoleh kegemilangan daripada tamadun yang diwarisi atau hanya ingin berbangga sebagai orang yang memiliki tamadun yang dulunya gemilang?

Menurutnya, warisan tidak memberi makna jika ia tidak membawa kegemilangan pada zaman ini atau zaman akan datang, sebaliknya yang penting ialah pengaruh sejarah yang boleh membawa kebahagiaan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, maju atau mundur sesuatu bangsa bergantung kepada nilai hidup yang menjadi sebahagian daripada tamadun bangsa berkenaan.